



#Penjarakanfizikal - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

tempoh tamat

51
Hari

14
Jam

07
Minit

ikuti Berita terkini Covid-19

NASIONAL

KES

POLITIK

PENDIDIKAN

WILAYAH

Vaksin: Keyakinan 67 peratus tidak mencukupi

Oleh [Lugman Arif Abdul Karim](#) - Februari 6, 2021 @ 3:11pm
lugman.arif@bh.com.my



Pengerusi MedTweetMY, Dr Khairul Hafidz Alkhair Khairul Amin. - NSTP/Mohamad Shahril Badri Saali

KUALA LUMPUR: Keyakinan rakyat terhadap vaksin COVID-19 yang kini hanya mencapai kadar 67 peratus, perlu ditingkatkan bagi menjamin sasaran Malaysia mencapai imuniti kelompok.

Pengerusi MedTweetMY, Dr Khairul Hafidz Alkhair Khairul Amin, berkata sesetengah kajian yang diterbitkan setakat ini menggariskan bahawa suntikan vaksin perlu meliputi sekadar 70 peratus daripada keseluruhan penduduk.

Bagaimanapun, katanya, pakar penyakit berjangkit berpendapat kadar itu harus dinaikkan supaya melangkaui 80 peratus, sebelum imuniti kelompok berupaya dicapai dalam kalangan masyarakat.

"Justeru, kita perlu meyakinkan sebanyak mungkin rakyat untuk mengambil suntikan vaksin COVID-19," katanya kepada BH, hari ini.

TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 8m [Rumah dijadikan stor transit barangan seludup](#)
- 16m [Gunung Raung meletus, abu tebal menyelubungi kawasan sekitar](#)
- 32m [Gempa bumi sederhana gegar rantau kepulauan Filipina](#)
- 40m [Jumlah mangsa banjir Sarawak menurun](#)
- 55m [Biden ramal persaingan sengit dengan China, bukan konflik](#)
- 55m [Minta pertimbang semula harga benih padi sah](#)
- 1h [Messi cipta kebangkitan Barcelona](#)
- 1h ['Semua sudah siap, tunggu nikah saja'](#)

DISYORKAN UNTUK ANDA

- Kesan sampingan bukan indikator mutlak vaksin tak selamat
- Beri kesedaran keperluan, faedah vaksin
- COVID-19: Khairy jamin vaksin dibeli Malaysia selamat
- Program imunisasi Jepun dijadual Mei ini

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, pada 31 Disember tahun lalu dilaporkan berkata sebanyak 67 peratus daripada 212,006 responden dalam kalangan rakyat Malaysia bersetuju menerima vaksin COVID-19.

Keputusan tinjauan dalam talian yang dijalankan dari 21 hingga 28 Disember 2020 itu turut menyaksikan 16 peratus tidak bersetuju untuk menerima vaksin kerana khuatir dengan kesan sampingan, selain meragui kandungannya, manakala 17 peratus lagi tidak pasti.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, pada 26 Januari lalu dilaporkan berkata seramai 75,000 orang dijangka menerima suntikan vaksin COVID-19 di 600 pusat vaksinasi di seluruh negara, Mac ini.

Dr Khairul berkata risiko penolakan suntikan imunisasi, mulai Mac ini memang wujud dan gerakan antivaksin hanya antara satu daripada pelbagai faktor pendorong.

"Faktor lain yang menjadi kekusaran rakyat ketika ini ialah aspek keselamatan dan keberkesanan vaksin, namun Kementerian Kesihatan (KKM) menerusi Bahagian Kawal Selia Farmasi Negara (NPRA) menjalankan ujian serta penyelidikan dengan rapi, sebelum memberi kelulusan.

"Tidak semudah itu NPRA menerima apa-apa vaksin masuk ke dalam negara, contohnya vaksin Dengvaxia, vaksin untuk denggi suatu masa dahulu tidak dibenarkan penggunaannya di Malaysia berikutan kesan sampingan, susulan kajian penggunaan terhadap orang ramai di Filipina.

"Isu penghasilan vaksin yang terlalu cepat, penggunaan teknik mRNA untuk vaksin, kesan sampingan dan berapa lama imunisasi dapat bertahan di dalam badan juga dikenal pasti antara faktor orang ramai menolak program pelalian," katanya.

Sehubungan itu, Dr Khairul berkata kekusaran dalam kalangan masyarakat perlu ditangani segera oleh kerajaan dan pihak berwajib, dengan memberikan penerangan secara berterusan supaya dapat memupuk pemahaman mengenai kepentingan vaksin COVID-19.

TRENDING




NASIONAL 11 jam yang lepas
Keluarga pengantin remaja tertekan anak didakwa bercerai



NASIONAL 11 jam yang lepas
Pembeli tekad bina sendiri rumah terbengkalai



NASIONAL Feb 7, 2021 @ 9:01pm
Tujuh pekerja J&T Perak baling barang mohon maaf



NASIONAL Feb 7, 2021 @ 6:28pm
3,731 jangkitan baharu, 15 kematian akibat COVID-19 hari ini



LAIN-LAIN (HUJUNG MINGGU)
Feb 7, 2021 @ 11:01am
Kebumikan mayat disimpan hampir 40 tahun

Selain itu, katanya, tindakan tegas perlu diambil melalui peruntukan undang-undang terhadap individu atau organisasi yang cuba menghasut dasar kerajaan, dengan menyebarkan berita palsu berkaitan COVID-19 dan vaksin.

BERITA BERKAITAN



NASIONAL Feb 6, 2021 @ 3:18pm
COVID-19: 'Tunggu dan lihat' undang risiko, rencat program imunisasi



KOLUMNIS Dis 3, 2020 @ 11:30am
'Imuniti kelompok' kawal, putus rantai jangkitan



NASIONAL Feb 7, 2021 @ 4:13pm
Tolak persepsi negatif vaksin COVID-19



MINDA PEMBACA Jan 1, 2021 @ 1:00pm
Ketetapan muzakarah isu vaksin wajar dipatuhi

Disyorkan untuk anda

Stay Safe, Stay Home Outbrain |




Limited Time Offer - Bloomberg.com For Just \$1.99
Bloomberg.com




Israel sees big drop in COVID cases among vaccinated
Nikkei Asia



The 6 Top Interior Design Trends for 2021
Mansion Global




The Disadvantages Of A Reverse Mortgage - Mig...
Reverse Mortgage | Se...



Malaysia: Why Are People Snapping Up This New Energy...
ElectroSave™



Getting a job in the UK may be easier than you think
Jobs in UK | Sponsored...



The 5-Minute Guide to Mastering the Instagram...
Chatfuel



The cost of real estate in New York might surprise you
Real Estate New York | ...

[Learn More](#)



IKUTI KAMI DI:



BERITA

- [BHPLUS](#)
- [Nasional](#)
- [Kes](#)
- [Politik](#)
- [Pendidikan](#)
- [Wilayah](#)

SUKAN

- [DUNIA](#)
- [HIBURAN](#)
- [BISNES](#)
- [RENCANA](#)
- [WANITA](#)
- [HUJUNG MINGGU](#)

MULTIMEDIA

- [Foto](#)
- [BHTV](#)
- [Infografik](#)

LANGGAN

- [Akhbar Digital](#)
- [Akhbar BH](#)

PERKHIDMATAN

- [Iklan Web](#)
- [1Klassifieds](#)
- [NSTP KLiK](#)